

12hb. Januari, 1978.

## **SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 2 TAHUN 1978**

### **TUNGGAKAN GAJI BAGI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN YANG DITUKAR SEMENTARA DARI SATU SEKIM PERKHIDMATAN KE SATU SEKIM PERKHIDMATAN YANG LAIN DI SEMENANJUNG MALAYSIA BERIKUTAN DENGAN PERLAKSANAAN LAPORAN GAJI JAWATAN KUASA KABINET.**

Saya diarah merujuk kepada [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 17 Tahun 1977](#), dan memaklumkan bahawa Kerajaan telah memutuskan supaya pegawai - pegawai Kerajaan yang dipinjamkan ke Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan di Semenanjung Malaysia dibayar tunggakan gaji berikutan dengan pelaksanaan Laporan Gaji Kabinet. Tunggakan itu hendaklah didasarkan kepada perbezaan di antara gaji bersih dalam tanggagaji baharu dengan gaji bersih dalam tanggagaji lama pinjaman masing-masing. Tarikh perkiraan ialah dari 1.1.76 atau tarikh pegawai itu mula dipinjamkan mengikut yang mana terkemudian, hingga 30.6.77. Penyelarasan gaji ini hendaklah dibuat sepenuhnya dengan berpandukan kepada prinsip-prinsip yang ditetapkan di dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan yang dirujuk di atas kecuali tarikh pelaksanaannya dikebelakangkan kepada 1.1.76. Tarikh kenaikan gaji pinjaman hendaklah ditentukan mengikut perenggan-perenggan 5. 1, 5.2 dan 5.3 Pekeliling Perkhidmatan Mengenai Perubahan Gaji dan Syarat-syarat Perkhidmatan Bagi Pekerja-pekerja Badan-badan Berkanun Semenanjung Malaysia 1977 dan Pekeliling Perkhidmatan Mengenai Perubahan Gaji dan Syarat-

syarat Perkhidmatan Pekerja-pekerja Kuasa-kuasa Tempatan Semenanjung Malaysia 1977.

2. Berkenaan dengan peraturan pernbayaran tunggakan, keputusan telah dibuat bahawa sekiranya seseorang pegawai itu dipinjamkan sebelum atau pada 1.1.76, maka pembayaran tunggakannya hendaklah ditanggung oleh Badan Berkanun atau Kuasa Tempatan yang meminjam mulai dari 1.1.76 hingga 30.6.77 atau sehingga pinjaman pegawai itu ditamatkan mengikut yang mana terdahulu. Bagi mereka yang dipinjamkan selepas 1.1.76, tunggakan bagi tarikh mula dipinjamkan hingga 30.6.77 hendaklah ditanggung oleh Badan yang meminjam sementara tunggakan bagi tarikh 1.1.76 hingga ke tarikh mereka dipinjamkan, berdasarkan perbezaan di antara, gaji bersih di atas tanggagaji bersih baharu dengan gaji bersih di atas tanggagaji lama hakiki masing-masing, ditanggung oleh Kementerian/Jabatan terakhir di mana mereka berkhidmat.

Sekian.

Saya yang menurut perintah,

(MOHD. SALLEH BIN YAHAYA)

Bahagian Perkhidmatan,

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,

Malaysia.

Semua Pihak Berkuasa Badan-badan Berkanun berkenaan

Semua Pihak Berkuasa Kuasa-kuasa Tempatan berkenaan

Semua Ketua-ketua Setiausaha berkenaan

Semua Y.B. Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua-ketua Jabatan Persekutuan